

# UTHM lancar 1Penghuni 1Sukan

**BATU PAHAT** – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melaksanakan program untuk mahasiswa bagi mewujudkan persekitaran lebih sihat yang dikenali sebagai 1Penghuni 1Sukan.

Program yang mula dilaksanakan di Kolej Kediaman Perwira, di sini akan dijadikan contoh sebelum ianya diperluas ke kolej kediaman lain bagi melahirkan mahasiswa lebih aktif.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, yang diwujudkan itu adalah sebagai menyahut seruan kerajaan selain kesinambungan daripada polisi 1Murid 1Sukan yang dilancarkan di peringkat sekolah

Katanya, dengan adanya kesinambungan berkenaan, ia dapat melahirkan pelajar yang aktif di peringkat sekolah tidak akan terhenti apabila berada di institut pengajian



**Sebahagian penghuni Kolej Perwira UTHM ketika pelancaran 1Penghuni 1Sukan.**

tinggi (IPT).

“Majlis pelancaran pelancaran program disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, Prof Madya Dr

Ahmad Rizal Madar, baru-baru ini.

“Polisi 1Penghuni 1Sukan juga dimeriaahkan dengan konsep yang diguna pakai di sekolah iaitu rumah sukan yang mesti disertai oleh semua

penghuninya, dari tahun pertama sehingga tahun akhir.

“Rumah sukan berkenaan adalah Scarlet (merah), Azure (biru), Harlequin (hijau atau Aureolin (ku-

ning) dan pelbagai kategori sukan akan dipertandingkan,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Shafry berkata, pelancaran polisi berkenaan telah dimulakan dengan aktiviti senamrobik dan juga larian obor, selain gimik perasmian dengan kemunculan skuad all-terrain vehicle (ATV).

“Majlis turut diteruskan dengan Kejohanan Merentas Desa Piala Pengetua Kolej yang diwakili oleh rumah sukan masing-masing. Iltizam utama polisi 1Penghuni 1Sukan adalah ke arah memperkembang gaya hidup sihat dalam kalangan penghuni kolej seterusnya.

“Ianya secara langsung dapat menjayakan Pelan Transformasi Mahasiswa Holistik Perwira dengan wawasan untuk melahirkan penghuni yang bukan sahaja cergas fizikalnya malah cerdas minda,” katanya.